



# Wadah baru pelajar IPT hayati sastera

Oleh Muhd Yusuf Abu Bakar

GABUNGAN puisi lama dan baru, lagu puisi dan tarian kebudayaan menjadikan Malam Kembara Puisi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang berlangsung di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Kota Samarahan, baru-baru ini, sebagai wadah baru pelajar untuk menghayati secara langsung khazanah sastera negara.

Persembahan beragam yang tidak membosankan itu berjaya menjadikan lebih 700 penonton termasuk Naib Canselor Unimas, Prof Dr Yusuf Hadi dan Timbalan Naib Canselor, Prof Dr Khairuddin Abdul Hamid terpaksa di kerusi Dewan Unimas, lebih dua jam untuk menyaksikan persembahan menarik dari pelajar, penyarah dan penyair jemputan dari Kuala Lumpur, Sutung Umar RS, Khalid Salleh dan Marsli No.

Puisi lama, baru dan lagu puisi yang dipersembahkan banyak berkisar mengenai kemanusiaan, perdamaian, pengajaran, sejarah dan masa depan bangsa, selain permasalahan mengenai penyakit yang mengancam manusia, Aids.

Penyair Sutung yang membuka tirai persembahan berjaya mengubah konsep deklamasi melalui sajak *Kata Aku Pada Kau* untuk membuat penonton yang sebahagian besarnya pelajar mempelajari sesuatu mengenai teknik deklamasi yang sebelum ini hanya diperolehi di sekolah sahaja.

Sajak *Genta Purba* hasil karya Sasterawan Negara Usman Awang, disampaikan kumpulan Gapura, Unimas yang turut dideklamasikan,

Gurmeet Kaur berkisar kepada perangan dan perdamaian.

Persembahan bersahaja, Dekan Pusat Permajuan Pelajar, Prof Sulaiman Hanafi yang berpantun empat kerat berunsurkan jenaka dan nasihat berjaya meriuhkan suasana dewan dengan telatah berpantunnya.

Mungkin sebagai penjaga pelajar, Sulaiman lebih banyak memberi pantun nasihat kepada pelajar supaya menjadi pelajar yang berjaya dan tidak melupakan ibu bapa.

Penyajak bersuara lantang, Marsli SO turut meminta audien berfikir panjang melalui sajaknya *Kepada Sejarah*, dan diikuti sajak *Hati Siapa Tidak Terharu* karya Ahmad Sarju menggarap masa depan masyarakat pribumi Melayu yang menderita di bumi sendiri akibat pembangunan disampaikan gabungan pelajar Unimas, Kumpulan Jentayu.

Penyanyi lagu asli Unimas, Fatimah Ismail turut menyerikan malam itu dengan dendangan lagu *Sri Siantan* dan lagu joget sebagai perediaan untuk menyertai pertandingan lagu asli peringkat universiti yang bakal diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Tidak ramai penyair yang membawa tema sains ketika deklamasi sajak, malam itu, Awang IPR atau Prof Madya Dr Awang Iskanderzulkarnein Pengiran dengan gaya tersendiri membawa sajak [www.hiv/virus.aids.com.my](http://www.hiv/virus.aids.com.my) yang menekankan bahaya sindrom berkenaan turut menjadi masalah kepada penduduk Malaysia.

"*Ku layari lagi laman web, kerana nak tahu tebaran AIDS. Rupanya dot com, tanda tebaran-*

*nya seantero dunia*

*Rupanya dot my, tanda tebaran di Malaysia, tanah airku juga.*

.....

*Hapuskan HIV!*

*Hapuskan AIDS!*

*Kami tidak rela HIV melupakan dunia*

*Kami tidak rela virus AID melupus Malaysia tercinta.*

Awang IPR dari Fakulti Sains dan Teknologi Sumber Unimas, banyak menghasilkan sajak sains yang turut disiarkan di akhbar rasmi universiti *Persada*, malam kembara itu, beliau turut berpantun dalam bahasa Inggeris yang menjadika Gunung Santubung dan pokok kelapa yang terdapat di Sarawak sebagai temanya.

Penyelidik yang pernah menerbitkan buku *Cetusan Suara Penduduk Tambunan, Sabah* selepas membuat penyelidikan saintifik di Banjaran Crocker, Sabah dua tahun lalu, Prof Dr Wan Zawawi Ibrahim kembali memetik gitarnya dengan lagu puisi yang dihasilkan ketika di Kyoto, Jepun, *Sewaktu Di sisi*.

Wan Zawawi yang lama tidak membuat persembahan di Sarawak dan Unimas turut menyampaikan lagu *Di Liku Kota Kuala Lumpur*.

Selain Wan Zawawi, Unimas turut mempunyai penyanyi dan penulis lirik lagu puisi yang sedang mengharum namanya, penyarah muzik, Hafiz Askiak menerima tepukan gemuruh penonton sebelum menyampaikan lagu puisi, *Kedamaian* daripada sajak Said Idris, yang pernah memenangi naib johan Sayembara Lagu Puisi anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 2001

Hafiz turut mendendangkan lagi



GURMEET Kaur seronok berpuisi dan mendalami puisi Melayu. - Gambar oleh Mohd Roji Abdullah

*Maha Luas Taman-Mu* karya Suhaimi Muhammad yang memenangi naib johan sayembara yang sama tahun ini.

Penyair dan penggiat teater, Khalid Salleh turut mendeklamasi puisi *Kepada Sejarah*, lain-lain penyajak yang menunjukkan kemampuan mereka bersajak termasuklah Mohd Fairuz Abdul Majid dan Kumpulan Kirana.

Seorang anggota kumpulan Gapura, Gurmeet Kaur, satu-satunya pelajar bukan Melayu yang mempersembahkan sajak sempena Kembara Puisi IPT berkata, beliau cukup seronok berpuisi dan mendalami puisi Melayu.

"Ramai pelajar bukan Melayu tidak didedahkan dengan puisi Melayu, sebab itu ramai yang tidak meminatinya, kalau majlis seperti ini (Kembara Puisi) diadakan selalu, tidak mustahil lebih ramai yang akan meminatinya," katanya.

Pelajar Fakulti Sains Sosial yang berasal dari Klang Selangor itu berkata, persembahan kumpulannya pada malam itu adalah yang terbaik berbanding sebelum ini, kerana mendapat pengalaman dalam beberapa pertunjukan sebelum ini.

"Berpuisi menyeronokkan sekiranya kita mengetahui, menguasai dan mendalaminya," katanya.